


# UNIT 7

# TENAGA

## NOTA RINGKAS

### Tenaga dan Sumber Tenaga


- 1 Tenaga ialah kebolehan untuk melakukan kerja.
- 2 Sumber-sumber tenaga:



Matahari

Air

Biojisim



Angin

Bahan api fosil



Nuklear

Ombak

### Bentuk Tenaga

Bentuk tenaga	Penerangan
Tenaga suria	Tenaga yang diperolehi daripada Matahari
Tenaga haba	Tenaga yang tersimpan pada objek yang panas
Tenaga cahaya	Tenaga yang dihasilkan oleh objek yang bercahaya
Tenaga elektrik	Tenaga yang mengalir dalam litar elektrik

Tenaga kinetik	Tenaga pada objek yang bergerak
Tenaga keupayaan	Tenaga yang tersimpan pada sesuatu objek
Tenaga bunyi	Tenaga yang dihasilkan oleh objek bergetar
Tenaga nuklear	Tenaga yang terkandung dalam bahan nuklear
Tenaga kimia	Tenaga yang terkandung dalam bahan seperti makanan, bateri atau biojisim

### Perubahan Bentuk Tenaga

- 1 Tenaga berubah daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain.
- 2 Contoh:
  - (a) Menghidupkan kipas: Tenaga elektrik → Tenaga kinetik + Tenaga bunyi
  - (b) Menarik getah: Tenaga keupayaan → Tenaga kinetik
- 3 Tenaga tidak boleh dicipta atau dimusnahkan.
- 4 Tenaga boleh berubah bentuk tetapi tidak boleh dicipta atau dimusnahkan.

### Sumber Tenaga Boleh Dibaharui dan Tidak Boleh Dibaharui

- 1 Sumber tenaga boleh dibaharui ialah sumber tenaga yang boleh dijana secara berterusan. Contohnya ialah **matahari**, **ombak**, **air**, **angin** dan **biojisim**.
- 2 Sumber tenaga tidak boleh dibaharui ialah sumber tenaga yang tidak boleh dijana secara berterusan kerana sumber yang terhad. Contohnya ialah **bahan api fosil** (arang batu, gas asli, petroleum) dan **bahan nuklear**.

### Berhemah Menggunakan Tenaga

- 1 Berjimat dalam menggunakan bahan api fosil.
- 2 Mencari alternatif lain dalam melakukan aktiviti harian.